

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN PENYAMPAIAN HADIAH SAYEMBARA MENGARANG PANTUN ANTARABANGSA 1997
Lokasi : SAYEMBARA MENGARANG PANTUN ANTARABANGSA 1997
Tarikh : 26-08-1998

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Persatuan Kesusasteraan Bandingan Malaysia (PKBM) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) kerana mengundang saya untuk hadir pada hari ini bagi menyampaikan hadiah kepada para pemenang Sayembara Mengarang Pantun Antarabangsa 1997.

2. Seperti yang kita sedia maklum pantun merupakan cabang kesusasteraan Melayu klasik yang kita warisi daripada nenek moyang kita. Pantun menjadi lambang ketinggian budi pekerti dan keindahan bahasa dan sastera Melayu. Mesej yang disampaikan pantun boleh menjadi panduan dalam kehidupan. Pantun masih kekal sebagai warisan yang berharga yang sentiasa dikaji dan terus disayangi oleh para pencintanya.

3. Keunggulan dan keindahan pantun Melayu dalam menyampaikan sesuatu maksud atau sindiran boleh diungkapkan dengan gaya bahasa yang tersendiri dan lebih berkesan tanpa menyentuh atau menyinggung peribadi seseorang.

4. Memang menjadi hasrat kita semua untuk melihat pusaka bangsa Melayu yang cukup indah ini dipelihara dan diperkembangkan terus-menerus daripada pupus seperti yang dialami oleh tulisan jawi yang hidup segan mati tak mahu dan seperti melukut di tepi gantang di tanah airnya sendiri. Sesungguhnya usaha murni yang dipelopori oleh Persatuan Kesusasteraan Bandingan Malaysia (PKBM) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan ditaja oleh Syarikat Gapurna dan NST yang begitu prihatin dengan hidup mati pantun Melayu adalah satu contoh kerjasama yang wajar dialu-alukan.

5. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat dalam pengendalian Sayembara Mengarang Pantun Antarabangsa 1997 kerana sayembara itu merangsang keghairahan pengarang-pengarang pantun mencipta naskah-naskah pantun baru dengan pelbagai tema dan persoalan yang ditulis melalui pantun berkait.

6. Saya dimaklumkan sayembara ini mendapat sambutan hangat sehingga menerima 372 penyertaan daripada 228 orang penulis daripada negara Malaysia, Indonesia, Singapura, Brunei, Pakistan dan Belanda. Saya sesungguhnya berasa bangga dengan perkembangan ini yang memperlihatkan kesungguhan Persatuan Kesusasteraan Bandingan Malaysia (PKBM) memperjuangkan kelestarian pantun di tempatnya yang wajar menerima sambutan yang di luar dugaan.

7. Perjuangan memartabatkan pantun Melayu merupakan usaha yang murni. Usaha ini memerlukan penglibatan semua pihak secara berterusan. Perjuangan memartabatkan pantun Melayu tidak memadai sekadar menganjurkan sayembara semata-mata tetapi harus diiringi dengan penglibatan persatuan penulis, badan-badan sosial-budaya atau individu penulis yang lain dalam kegiatan atau penerbitan mereka.

8. Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan beberapa kumpulan pantun yang utuh, antaranya Kurik Kendi. Bagi berusaha dan menerbitkan kumpulan pantun dalam pelbagai tema bukanlah mudah terutamanya bagi menyisipkan suasana dan pengalaman hidup moden. Hal ini mencabar daya kreatif penulis supaya tidak memandang ringan kepada keindahan pantun, kerana bukannya pantun itu menjadi dasar puitika sastera Melayu. Penulis Khadijah Hashim antara penulis mutakhir Malaysia berjaya menerbitkan pantun yang berjiwa baru ini dan saya ingin mengucapkan tahniah atas kejayaannya itu.

9. Penerbit-penerbit buku di negara ini sewajarnya tidak menjadikan alasan kegawatan ekonomi untuk tidak menerbitkan buku-buku sastera sama ada antologi pantun, puisi, cerpen, novel dan esei yang bermutu kerana bahan-bahan bacaan ini bukan sahaja memiliki nilai komersial tetapi juga menjadi sumber dan penawar jiwa mengatasi kesulitan hidup zaman gawat ini.

10. Saya yakin pantun Melayu akan terus dipelihara dan diperjuangkan keunggulannya oleh sasterawan, sarjana dan karyawan Malaysia. Mereka tentulah tercabar dengan kesungguhan pihak Syarikat Penerbangan Jepun (JAL) memelihara haiku dengan menganjurkan peraduan menulis haiku di seluruh dunia. Peraduan ini amat popular dan tersebar ke seluruh dunia termasuk di Malaysia. Semua pihak harus mencontohi bangsa Jepun memelihara haiku seni sastera dan budaya meskipun mereka begitu maju di segi ekonomi, teknologi dan pengurusan sumber manusia.

11. Sememangnya tiada siapa pun boleh menafikan keindahan dan nilai estetika dan kehalusan pantun Melayu dalam menggambarkan kegigihan seseorang ibu mendidik anaknya sejak kecil diungkapkan dalam pantun yang masyhur yang berbunyi: Timang tinggi-tinggi; Sampai cucur atap; Belum tumbuh gigi; Pandai baca kitab.

Ataupun dengan maksud menyindir, supaya anaknya sedar kepada kepentingan ilmu: Sorong papan tarik papan; Buah keranji dalam perahu; Suruh makan kau makan; Suruh mengaji kau tak tahu.

12. Daya kreatif kaum ibu dan wanita-wanita silam dalam mendidik anak-anak menggunakan teknik pantun seperti itu sewajarnya diteruskan oleh ibu-ibu dan wanita-wanita hari ini menerusi pendekatan baru yang lebih sesuai dengan kemajuan sains dan teknologi hari ini seperti menggunakan kaedah lagu, kaset, CD-Rom dan sebagainya. Laman Pantun dan sejarah mengenainya dengan contoh-contoh pantun yang baik dalam semua tema dan persoalan wajar diwujudkan terutamanya oleh Dewan Bahasa dan Pustaka di dalam Internet. Dengan begitu mudahlah peminat dan pengkaji pantun di dunia mempelajari selok- belok tentang pantun yang melukiskan hati budi dan nurani bangsa Melayu di Malaysia.

13. Keunikan pantun dalam menggambarkan pengorbanan besar para ibu dan wanita dalam melahirkan generasi baru sudah banyak dipantunkan. Cinta kasih ibu kepada anaknya tidak terbatas meskipun ramai anak-anak hari ini sering mengabaikan para ibu bapa atau orang tuanya.

Berikut ini dirakam dengan indah, penuh sinis dengan falsafah kemanusiaannya untuk difikirkan oleh masyarakat hari ini dan akan datang. Nasib ibu yang tidak diberikan pembelaan anaknya, digambarkan oleh pantun berikut: Sayang pisang tiada berjantung; Bunga keluar dalam kelopak; Penat sangat ibu mengandung; Kelak ke mana ibu tercampak? 14. Banyak lagi bentuk pantun Melayu yang berunsur sindiran yang sinis, bermutu dan disampaikan dengan gaya bahasa yang padat dan ekonomik yang boleh diteladani dan dipraktikkan dalam kehidupan sehari-hari agar pantun terus hidup subur dan mewangi sepanjang zaman di pentas dunia yang begitu cepat berubah ini.

15. Akhirnya saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penulis dan sasterawan yang memenangi Sayembara Mengarang Pantun Antarabangsa 1997 lalu. Saya berharap pihak Persatuan Kesusasteraan Bandingan Malaysia akan terus aktif memperhebatkan wacana kesusasteraan bandingan di dalam dan di luar negara di samping terus berjuang memantap dan memartabatkan kedudukan pantun Melayu sebagai genre kesusasteraan yang terkemuka di dunia di samping memajukan usaha penelitian dan kreativiti dalam genre kesusasteraan moden. Bagi mengakhiri ucapan saya ini inginlah saya menyampaikan serangkap pantun: Kalau tuan pergi ke Sepang; Singgah sebentar di airport baru; Siap sedia kita berjuang; Agar Malaysia bertambah maju.

16. Saya juga dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim melancarkan buku Permata Timur yang menghimpunkan sembilan kumpulan pantun karya sembilan orang pemenang Sayembara Mengarang Pantun Antarabangsa 1997.